



## JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

### NEGERI PAHANG

Tingkat 1, Wisma Persekutuan  
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR  
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000

Faks : 609-516 4931

Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :ANM.PHG.600-15/3/7 Jld.3(S7)

Tarikh : **07** Februari 2024

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab  
Di Bawah Seliaan JANM Negeri Pahang

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PROSES KELULUSAN BAGI PERMOHONAN PEMBAYARAN MELALUI INDEN KERJA SECARA MANUAL

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) rujukan MOF.BPK(S)600-14/11/11 Jld.6(42) bertarikh 3 Januari 2024 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa sebagaimana ketetapan MOF melalui surat rujukan MOF.BPK(S) 600-14/28/2(6) bertarikh 25 November 2022 telah memberi penurunan kuasa kepada Pegawai Pengawal untuk meluluskan pembayaran melalui invois tanpa Pesanan Kerajaan sehingga nilai kumulatif sebanyak RM1 juta bagi setiap perolehan. Dalam hubungan itu, MOF juga telah memutuskan bahawa penurunan kuasa tersebut **dipanjangkan kepada perolehan kerja Kerajaan dengan ketetapan seperti berikut:**

- a. Pegawai Pengawal diberi penurunan kuasa untuk meluluskan pembayaran melalui inden kerja manual sehingga nilai kumulatif mencapai RM1 Juta bagi setiap projek;
- b. Kelulusan pembayaran adalah bagi tahun semasa dan setahun sebelum sahaja; dan
- c. Permohonan yang tidak memenuhi syarat di perenggan a) dan b) hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara untuk pertimbangan dan kelulusan.

3. Selaras dengan Perenggan 3 surat berkenaan, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kelulusan yang diberi dan pemantauan berkala hendaklah dilaksanakan bagi memastikan Kementerian/Agensi di bawahnya mematuhi peraturan yang telah ditetapkan sepenuhnya. Bersama-sama ini disertakan surat MOF tersebut untuk tindakan dan rujukan pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan juga.

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/3/7 Jld.3 ( 57 )  
Tarikh : 07 Februari 2024

4. Perhatian dan komitmen pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam mematuhi arahan ini amatlah diharapkan bagi memastikan prosedur dan tatacara kewangan adalah teratur berdasarkan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"***

Saya yang menjalankan amanah,

(FREDRICK GUPONG ANAK TAWAN C.A. (M), ACMA, CGMA)  
Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Pahang



## KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62592 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000  
Faks : 03-8882 3893  
03-8882 3894  
Laman Web : [www.mof.gov.my](http://www.mof.gov.my)

Ruj. Kami : MOF.BPK(S) 600-14/11/11 Jld.6 (L2)  
Tarikh : 3 Januari 2024

### SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/ Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan,

### CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PROSES KELULUSAN BAGI PERMOHONAN PEMBAYARAN MELALUI INDEN KERJA SECARA MANUAL

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/ Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan sedia maklum, Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) melalui surat rujukan MOF.BPK(S) 600-14/28/2(6) bertarikh 25 November 2022 telah memberi penurunan kuasa kepada Pegawai Pengawal untuk meluluskan pembayaran melalui invois tanpa Pesanan Kerajaan sehingga nilai kumulatif sebanyak RM1 juta bagi setiap perolehan. Terkini, MoF memutuskan penurunan kuasa tersebut dipanjangkan kepada perolehan kerja Kerajaan dengan ketetapan seperti berikut:

- a. Pegawai Pengawal diberi penurunan kuasa untuk meluluskan pembayaran melalui inden kerja manual sehingga nilai kumulatif mencapai RM1 juta bagi setiap projek;
- b. Kelulusan pembayaran adalah bagi tahun semasa dan setahun sebelum sahaja; dan
- c. Permohonan yang tidak memenuhi syarat di perenggan a) dan b) hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara untuk pertimbangan dan kelulusan.

3. Sehubungan itu, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kelulusan yang diberi dan pemantauan berkala hendaklah dilaksanakan bagi memastikan Kementerian/Agensi di bawahnya mematuhi peraturan yang telah ditetapkan sepenuhnya.

4. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/ Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan berkaitan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATU' INDERA AB RAHIM BIN AB RAHMAN)**

Bahagian Perolehan Kerajaan  
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan Malaysia